

# Saiz Kabinet wajar lebih kecil - Dr. M

UM - 25/8/2021 m/s: 4

**LANGKAWI:** Pelantikan Kabinet baharu di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob wajar dibuat dalam jumlah lebih kecil berbanding kerajaan sebelum ini.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, pelantikan Kabinet baharu itu juga perlu diberi keutamaan kepada pemimpin yang berkelayakan dan berkebolehan.

Ini kerana, menurutnya, jumlah Kabinet semasa Tan Sri Muhyiddin Yassin didapati berlebihan dan tidak menunjukkan prestasi yang baik.


“Saya harap tak berapa besarlah (jumlah Kabinet). Setiap menteri sepatutnya ada kebolehan.

“Kita dapati menteri-menteri Muhyiddin (sebelum ini) tak ada kerja apa pun, tak ada buat kerja, dapat gaji sahaja. Janganlah jadi macam itu,” katanya.

Beliau ditemui pemberita pada Program #PulangKeLangkawi di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Langkawi di sini semalam.

Barisan Kabinet Muhyiddin mempunyai seramai 67 anggota di bawah 32 portfolio berbeza.

Dr. Mahathir yang juga Ahli Parlimen Langkawi berkata, Ismail Sabri juga perlu mengelakkan daripada memberi jawatan dalam Kabinet termasuk Tim-



**DR. MAHATHIR** Mohamad berbincang dengan pegawainya selepas program #PulangKeLangkawi di Pejabat Pusat Khidmat Ahli Parlimen Langkawi, Langkawi, semalam. - UTUSAN/NUR AMALINA AZMAN

balan Perdana Menteri kepada pemimpin-pemimpin yang digelar ‘Kluster Mahkamah’.

Mengenai Timbalan Perdana Menteri, Pengerusi Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) itu berpendapat, tiada pemimpin dalam kalangan ahli Parlimen blok kerajaan layak diangkat bagi jawatan berkenaan.

Tambahnya, pemimpin dari-

pada ahli Parlimen Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) juga tidak layak kerana majoritinya dianggotai oleh golongan yang melompat parti.

Sementara itu, Naib Pengerusi DAP Perak, Dr. Abdul Aziz Bari berkata, antara 15 hingga 20 orang menteri penuh sahaja yang perlu dilantik dalam Kabinet baharu Ismail Sabri.

Ketua Pembangkang Perak itu berkata, formula Muhyiddin tidak wajar dijadikan ikutan kerana ia jelas terlalu besar sehingga menjadi bahan ejekan.

“Dalam keadaan wabak Covid sekarang, 15 orang menteri dirasakan sudah memadai. Dua atau tiga kementerian boleh digabungkan di bawah seorang menteri,” katanya.